

Mereka yang burukkan negara tak patriotik — Mahathir

KELULUT (Marang) 20 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, mereka yang memburuk - burukkan negara sendiri di luar negeri adalah tidak patriotik.

Perdana Menteri berkata: "Kalau kita betul - betul patriotik, walaupun negara buruk, kita harus puji negara sendiri tetapi mereka tidak berbuat demikian kerana kepentingan diri.

"Adakah patut kita memburukkan negara kita sendiri di luar negeri?"

Berucap di hadapan lebih 30,000 orang di majlis pelancaran SEMARAK Terengganu di sini petang ini Perdana Menteri berkata ekonomi negara sekarang bertambah baik hasil usaha bersungguh - sungguh kerajaan hasil kemelesetan ekonomi dunia.

Beliau kecewa kerana semasa kerajaan berusa-

ha memenuhi kehendak rakyat dan membangunkan ekonomi negara, ada kumpulan menumpukan tenaga memecah - belahkan rakyat.

Mereka membuat dakwaan palsu semata - mata untuk menaikkan emosi tidak sihat di kalangan rakyat.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata parti dan kerajaan berusaha menenangkan perasaan dan berusaha juga merapatkan barisan dengan mengadakan pertemuan dan perbincangan antara pemimpin dan rakyat.

Sebab utama usaha kerajaan dan parti ini ialah supaya negara aman dan rakyat dapat menikmati kekayaan negara.

"Ini saja niat kita. Kita pergi ke sana dan ke sini untuk membangunkan negara dan untuk menjadikan sebuah negara maju," tegasnya.

Sebelum itu, Perdana Menteri berkata rakyat tidak harus dipisahkan dari pemimpin dan sebah-

SEMARAK itu diadakan yang disertai oleh puluhan ribu dan ada juga ratusan ribu rakyat.

Menurutnya, pertemuan ini diadakan bukan sebagai satu persiapan pilihanraya tetapi sebagai amalan demokrasi yang berpunca dari rakyat.

Bagaimanapun, katanya, ada pihak yang berjumpa rakyat ketika hendak ada pilihanraya untuk merapatkan diri bagi mendapat sokongan.

Bagaimanapun, katanya, UMNO sentiasa berdampingan rapat dengan rakyat supaya para pemimpin tahu kehendak rakyat dan rakyat pula tahu kemampuan para pemimpin.

"Kita bukan datang untuk merayu undi kerana pilihanraya sudah hampir tetapi kita datang pada rakyat kerana pemimpin harus setia pada rakyat," tegasnya.